



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11/7/2018	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pindah ke Taman Negara Pahang

Proses pemindahan dibantu dua ekor gajah denak

NORAFIDAH ASSAN

KUALA PILAH

Tiga ekor gajah betina liar dipindahkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri di kampung Parit Mungkal, Tanjung Ipoh, di sini, semalam.

Pengarah Perhilitan negeri, Wan Mat Wan Harun berkata, gajah betina termasuk dua ekor anak gajah itu dipindahkan selepas merosakkan tanaman di kebun kelapa sawit di Kampung Parit Mungkal.

"Operasi pemindahan gajah seberat 3 tan dan dua



Anak gajah (tengah) yang dipindahkan menggunakan dua ekor gajah denak.

anak gajah masing-masing kira-kira 2 dan 1 tan itu dilakukan dengan bantuan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Lanchang, Pahang.

"Kita menggunakan dua gajah betina yang dikenali sebagai Abot dan Rambai bertindak sebagai denak bagi

menjinakkan gajah liar tersebut untuk dipindahkan ke Taman Negeri Pahang," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Menurutnya, jabatan itu tidak menolak kemungkinan terdapat kumpulan gajah liar berkeliaran dalam hutan berhampiran termasuk Tengkek,

Berembun, Pelangai, Teriang serta Temasuh di negeri Pahang membabitkan keluasan sekitar 200 kilometer persegi.

Sinar Harian difahamkan, seramai 30 anggota Perhilitan terlibat dalam operasi selama tiga jam bermula kira-kira pukul 9 pagi itu.

TIGA GAJAH LIAR DIBAWA PINDAH

- Seekor gajah betina, dua anak seberat kira-kira 6 tan
- Didapati merosakkan tanaman penduduk Kampung Parit Mungkal
- Pemindahan dibantu Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah
- Abot dan Rambai jadi denak untuk jinakkan tiga beranak gajah liar

